

Lebihan akaun semasa negara RM16.2 billion

KUALA LUMPUR: Lebihan baki akaun semasa negara meningkat kepada RM16.2 bilion pada suku pertama 2024, membentuk 3.5 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, peningkatan itu didorong terutamanya oleh akaun pendapatan dan barang.

“Lebihan akaun barang meningkat kepada RM32 bilion pada suku pertama itu.

“Akaun perkhidmatan merekodkan defisit yang lebih rendah sebanyak RM7.3 bilion, terutamanya didorong oleh defisit yang lebih rendah dalam telekomunikasi, komputer dan perkhidmatan maklumat dan lebih tinggi dalam perkhidmatan pembuatan dan perjalanan,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai kedudukan akaun semasa negara pada sidang media pengumuman prestasi ekonomi negara bagi suku pertama 2024 di sini semalam.

Jelas beliau, akaun pendapatan utama menunjukkan defisit yang lebih kecil iaitu RM8.8 bil-

lion berikutan pendapatan yang lebih tinggi daripada pinjaman dan deposit di luar negara serta keuntungan terakru lebih rendah kepada pelabur asing di Malaysia.

“Defisit pendapatan sekunder bertukar menjadi lebihan pada suku itu.

“Dari segi pelaburan, pelaburan langsung asing (FDI) mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM5.5 bilion berikutan suntikan ekuiti dan pemulihan dalam pendapatan pelaburan semula,” ujarnya.

Menurutnya, aliran masuk FDI terutamanya disalurkan kepada perkhidmatan diikuti sektor perlombongan dan kuari manakala sumber FDI utama ialah Hong Kong, Amerika Syari-kat (AS) dan Jerman.

“Dalam pada itu, pelaburan langsung ke luar negara (DIA) mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM11.5 bilion. Sektor utama ialah perkhidmatan, diikuti oleh perlombongan dan kuari dan pembinaan.

“Singapura, Indonesia dan Kepulauan Cayman adalah des-tinasi utama DIA,” katanya.